

500 pokok besar, tua ancam pengguna jalan raya

500 pokok besar, tua ancam pengguna jalan raya

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Dianggarkan terdapat 500 pokok besar dan berusia di sekitar Kuala Lumpur terutama berhampiran lokasi tumpuan orang ramai dan jalan raya, berisiko tumbang sehingga boleh meragut nyawa serta menyebabkan kerosakan harta benda.

Pokok-pokok tersebut bukan sahaja berada di bawah tanggungjawab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), tetapi juga di atas tanah milik persendirian yang rata-rata berusia 50 tahun ke atas.

Jumlah 500 tumbuhan itu berdasarkan maklumat DBKL yang mempunyai rekod bagi memudahkan agensi itu mengenal pasti pokok-pokok tersebut bagi memudahkannya melakukan pemantauan.

Bersambung di muka 2

Dari muka 1

Paling membimbangkan, terdapat pemilik persendirian tidak menyelenggara pokok tersebut, ditambah faktor cuaca ekstrem sekaligus mengundang risiko insiden pokok tumbang dan boleh meragut nyawa, selain memusnahkan harta benda.

Presiden Arborist Malaysia (Parm), Mohd. Zailani Jamil berkata, pihaknya mengenalpasti hampir 500 pokok besar dan berusia di sekitar Kuala Lumpur memerlukan perhatian dan penyelenggaraan lebih kerap, bagi mengelakkan risiko tumbang khususnya berhampiran lokasi tumpuan.

Katanya, langkah tersebut bukan sahaja perlu melibatkan pihak berkuasa tempatan (PBT), tetapi juga semua pihak termasuk pemilik tanah persendirian.

Orang ramai pula, kata beliau, boleh memantau pokok berisiko tumbang dan melaporkannya segera kepada pihak berkuasa.

Beliau memberitahu, aktiviti korek tanah mendorong pokok tumbang apabila gangguan akar dalam tanah berlaku, di samping kemerosotan kesihatan pokok dan faktor cuaca buruk.

“Walaupun terdapat aspek penjagaan pokok, kerosakan yang dilakukan pihak lain terutama pengorekan tanah menyebabkan gangguan akar. Jadi ia menjejaskan pokok dan memberi kesan daripada pereputan sekali gus menjejaskan kekuatan dahan.

“Lama-kelamaan daun-daun bertambah menyebabkan beban meningkat, maka saiz pokok bertambah dan sauh pokok tidak memadai dengan saiz. Apabila perkara ini berlaku berterusan, maka beban ini akan memberi kesan



PENGUNA jalan raya terdedah kepada risiko pokok tumbang yang boleh meragut nyawa dan merosakkan harta benda. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

dan wujud pula beberapa kesan susulan antaranya keadaan cuaca tidak menentu.

“Angin kuat dan air berlebihan menjadi beberapa faktor dahan lemah dan menyebabkan pokok tumbang akibat struktur pokok tidak stabil,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, negara dikejutkan kejadian pokok besar tumbang di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur sehingga meragut nyawa seorang pemandu lelaki berusia 47 tahun, menghempap 17 kenderaan dan landasan monorel selain merosakkan kemudahan awam iaitu perhentian bas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa berkata, DBKL akan melihat keperluan untuk mengkaji semula garis panduan penjagaan pokok-pokok tua khususnya berusia 50 sehingga 80 tahun di sekitar ibu negara.

Justeru itu, Mohd. Zailani berkata, pihaknya menekankan keperluan kekerapan penyelenggaraan dan pemeriksaan

berkala serta usaha mitigasi untuk meminimumkan risiko pokok tumbang.

Katanya, PBT dan pihak berkepentingan perlu mengutamakan pelaksanaan program pemeriksaan dan penyelenggaraan yang menyeluruh bagi memastikan keselamatan pokok di kawasan bandar.

“Oleh itu, rancangan pembangunan bandar mesti menyepadankan langkah untuk melindungi dan memelihara akar pokok bagi mengekalkan kestabilan pokok dalam jangka masa panjang,” katanya.

Tambah beliau, pokok merupakan benda hidup dan melalui perubahan serta fasa di mana mengalami kemerosotan dari segi keupayaan dan kekuatan.

“Apabila kita melakukan penanaman pokok yang bukan tumbuh sendiri di kawasan padat dan berhampiran manusia, maka beberapa perkara perlu dilihat antaranya teknik penanaman. Tumbesaran berlaku dengan baik jika kita memberi keperluan terhadap pokok itu,” katanya.